

PETRONAS, PETROS bergerak serentak

# FM ADA STRATEGI SUSUN KEMALUAN NEGARA

**T**ULAR tuduhan tidak berasas dalam media sosial mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sengaja 'usik' Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS) demi meraih sokongan Sarawak.

Ada dakwaan kononnya Anwar perlu melaksanakan hal itu kerana Sarawak mahu tarik diri daripada blok kerajaan. Disebabkan itu juga, Anwar didakwa menjadi punca seramai 16,000 pekerja PETRONAS akan diberhentikan susulan kerjasama syarikat minyak nasional itu dengan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS) di Sarawak.

Jangan cepat menuduh. Ini kerana Anwar mempunyai strategi tersendiri demi kemajuan negara.

Anwar berkata, hasrat itu dipaparkan menerusi Ordinan Pengagihan Gas 2016 (Pindaan) (DGO) dan berkuat kuasa pada 1 Mac 2025.

"DGO dibaca sekali dengan Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA), maka PETROS (Petroleum Sarawak Bhd) berperanan sebagai agregator



di Sarawak," kata beliau pada Sesi Penerangan Perdana Menteri di Dewan Rakyat. baru-baru ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, peranan itu tetap mengesahkan keiulusan sebelumnya kepada PETRONAS dan anak-anak syarikatnya.

"Ini bermakna PETRONAS akan mengekalkan semua perjanjian (obligasi berkontrak) domestik dan antarabangsa yang sedia ada," kata Anwar.

Di bawah ordinan itu, PETROS dijamin memperoleh gas asli sehingga 1.2 bilion kaki padu sehari untuk keperluan domestik Sarawak dengan jaminan penambahan berdasarkan keperluan berikutnya.

Perdana Menteri berkata, PETROS juga berhak meluaskan kegiatan yang baharu dan memanfaatkan kerjasama dengan PETRONAS

"PETRONAS dan PETROS akan bergerak sederap (serentak) sebagai rakan bagi menjamin kepentingan dan hasil negara serta kepentingan negeri Sarawak dan segala rundingan terperinci berikutnya akan mengekalkan manfaat dan kepentingan bersama mengikut prinsip komersial secara telus," kata beliau.

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Sarawak juga, kata beliau, turut mengiktiraf Akta PDA 1974 sebagai Akta Persekutuan seperti yang tertera dalam peruntukan undang-undang.

Dalam pada itu, Anwar berkata, PETRONAS telah menyempurnakan tugas dengan menjamin pengagihan kepada semua negeri.

Merujuk Sarawak, beliau berkata, manfaat pembangunan industri minyak dan gas di Sarawak merangkumi pelaburan hulu dan

infrastruktur berjumlah melebihi RM280 bilion sejak 1976.

"Daripada jumlah pelaburan hulu tersebut, dianggarkan lebih RM90 bilion nilai kontrak yang dibelanjakan dalam tempoh 10 tahun lepas (2014-2024).

"Syarikat vendor berdaftar dari Sarawak telah mendapat kontrak melebihi RM40 bilion dalam tempoh sama," kata beliau.

Dari segi pulangan kewangan, beliau berkata, Sarawak telah menerima bayaran tunai sebanyak RM49 bilion (sehingga Disember 2024) bagi sumber petroleunya serta bayaran cukai jualan sebanyak RM18.66 bilion sehingga suku ketiga 2024.

Sarawak turut memperoleh dividen sebanyak RM28.6 bilion sehingga Disember 2024 melalui pegangan saham 'State Financial Secretary of Sarawak' (SFS) dalam Syarikat Kumpulan MLNG.

SFS merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah State Financial Secretary (Incorporation) Ordinance. 1948.